



SERAH SUMBANGAN: Wong (tiga kanan) menyerahkan sumbangan pelitup muka kepada Joleen di Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dewan Perniagaan Tionghua Labuan sumbang pelitup muka

LABUAN: Sebanyak 30 badan bukannya kerajaan (NGO) termasuk petugas di barisan hadapan menerima pelitup muka daripada Dewan Perniagaan Tionghua Labuan (LCCC).

Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghua Labuan (LCCC) Datuk Wong Kii Yee di pejabat dewan berkenaan di pusat bandar, baru-baru ini.

Wong turut menyampaikan sumbangan di pejabat NGO

masing-masing bagi mengelakkan kesesakan di pejabat LCCC di samping sebagai mematuhi amalan penjarakan sosial.

Antara NGO yang menerima sumbangan setiap satu sebanyak 1,000 keping itu ialah NGO yang dipelopori masyarakat Tionghua, pengamal media, Labuan International Golf Club (LIGC) dan beberapa pasukan barisan hadapan COVID-19 yang terdiri daripada anggota pasukan keselamatan dan

kesihatan.

Dewan Perniagaan Tionghua turut menyampaikan sumbangan sebanyak 2,000 keping pelitup muka kepada Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sumbangan disampaikan Datuk Wong kepada Penolong Pengarah, Cawangan Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan Joleen Vicky Anak Keron di Kompleks Ujana Kewangan Labuan.